

30/08/1997

Syor mufti tidak jadi pengerusi

Mohd Shah Abdullah; Veena Rusli

PASIR PUTEH, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengemukakan cadangan kepada Majlis Raja-Raja supaya mufti tidak lagi mempengerusikan Jawatankuasa Fatwa Negeri bagi mengelakkan percanggahan kepentingan.

Menurut Perdana Menteri, tindakan itu perlu diambil bagi mengelakkan seseorang mufti membuat fatwa dan kemudian meluluskannya, sedangkan beliau sendiri mempengerusikan jawatankuasa yang membincangkan perkara itu, seperti yang berlaku sekarang.

"Jika mufti ingin membuat fatwa, beliau mestilah merujuk kepada sebuah jawatankuasa fatwa yang dianggotai oleh pihak lain dan mempunyai pakar-pakar rujuk," katanya kepada pemberita selepas menutup konvensyen Umno/Barisan Nasional (BN) Kelantan '97, di sini hari ini.

Beliau berkata, tindakan itu bukan bertujuan untuk menukar sistem pentadbiran mufti yang ada sekarang, tetapi ia perlu dibuat kerana ada sesetengah undang-undang dan fatwa sebelum ini didapati tidak selaras.

"Umpamanya di Wilayah Persekutuan, mufti boleh membuat fatwa dan fatwa itu akan dikaji oleh satu jawatankuasa yang dipengerusikan mufti dan mufti selepas itu boleh mewartakannya.

"Jadi nampaknya, jikalau dia juga mempengerusikan jawatankuasa itu tentulah perbincangan tidak begitu menyeluruh," katanya.

Perdana Menteri berkata, mufti boleh terlibat dalam jawatankuasa itu, tetapi bukan sebagai pengerusi.

Mengenai usaha mewujudkan Mufti Negara, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak bercadang mewujudkan satu jawatan itu kerana setiap negeri mempunyai perbezaan pendapat dalam hal berkaitan urusan Islam.

Menurutnya, cadangan itu juga tidak dapat dibuat kerana urusan agama bagi sesebuah negeri adalah dalam bidang kuasa Sultan atau Raja.

Bagaimanapun, beliau berkata, ada persetujuan supaya keputusan berkaitan sesuatu fatwa itu diselaras dan diseragamkan antara setiap negeri.

"Kita dapati itu sukar dilakukan kerana mufti dan kerajaan negeri mempunyai pendapat sendiri, termasuk Raja atau Sultan berpendapat masalah agama adalah hak mereka," katanya.

Semalam, Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak berniat menguasai atau mengawal kegiatan mufti tetapi tidak akan teragak-agak mengambil tindakan di kalangan mereka yang membuat fitnah atau menyalahgunakan kuasa.

(END)